



MONIZA Waheed (kanan) diiringi Pengetua Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Zamzuri Abdullah (kiri) menyampaikan sumbangan kepada pelajar di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMARULLAH ZAINUZZAMAN

UPM rai 125 murid sempena Aidilfitri

KUALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) menyumbang beberapa kelengkapan sambutan Aidilfitri kepada 125 murid Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Chow Kit, di sini, semalam.

Timbalan Pengarah PSPK UPM, Prof. Madya Dr. Moniza Waheed berkata, sumbangan berbentuk kelengkapan baju raya, kuih raya dan beberapa alatan mandi serta duit raya itu sebagai satu usaha untuk meraikan sambutan Aidilfitri bersama kanak-kanak jalanan dan terpinggir di sekitar ibu kota yang tercicir persekolahan.

“Kegembiraan dan keceriaan sambutan Aidilfitri perlu dikongsi bersama setiap golongan tanpa mengira pangkat dan status masing-masing.

“Sumbangan ini secara tidak langsung memberi rasa istimewa kepada murid-murid sekolah

SBJK dan berkongsi kegembiraan yang untuk diingati mereka apabila memakai pakaian baharu ketika Aidilfitri,” katanya selepas Program Sumbangan Berilmu Berbakti di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur, semalam.

Program dengan motto ‘Satu pakaian, banyak senyuman: Berikan dengan hati, berkongsi dengan jiwa’ itu adalah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebagai inisiatif PSPK menyokong program Putra Bakti UPM serta aktiviti jaringan komuniti dan industri.

Sejumlah RM15,000 diperuntukkan untuk sumbangan peralihan baju raya, kuih raya, dan sumbangan wang tunai bagi menjayakan program tersebut.

Menurut Moniza, program seumpama itu dapat mengajar nilai kasih sayang dan memupuk sifat kemanusiaan kepada generasi masa depan dalam kalangan masyarakat.